

14 MAY 1998

Sanusi-Universiti

KEDAH PERUNTUK TANAH 200 HEKTAR UNTUK UNIVERSITI DI PULAU TUBA

LANGKAWI, 14 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Kedah memperuntukkan sebidang tanah seluas kira-kira 200 hektar untuk membina Langkawi International University Of Tomorrow di Pulau Tuba di sini, kata Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid.

"Tanah itu masih kosong dan ia adalah milik kerajaan yang lebih mudah untuk diberi kelulusan membangunkan kompleks universiti yang pertama di Langkawi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan kabel dasar laut 132kv dari Kuala Perlis ke Langkawi di sini, hari ini.

Sanusi berkata pengurusan universiti itu akan turut mengadakan usahasama dengan penduduk pulau berkenaan untuk projek kemudahan lain termasuk asrama pelajar.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan nama universiti itu.

Katanya kerajaan tidak menetapkan tarikh pembinaan universiti berkenaan yang akan dilaksanakan oleh sektor swasta.

Beliau berkata peluang masih ada untuk pihak swasta memohon membangunkan universiti itu yang akan menawarkan pengajian dalam bidang robotik, angkasa lepas, kajian laut, pelancongan dan sukan.

Pembinaan universiti itu adalah di antara langkah membangunkan Pulau Tuba sebagai pulau ilmu, kata beliau.

Sanusi juga mempelawa bekas kakitangan Tenaga Nasional Berhad membantu dalam usaha melahirkan lebih ramai cerdik pandai di negeri itu.

"Mereka yang telah bersara boleh datang ke negeri ini untuk membeli rumah di bawah program 'homestay' sambil membantu usaha ke arah itu," katanya.

Projek kabel dasar laut bernilai RM131 juta itu dijangka dapat memperkukuhkan sistem pembekalan elektrik di pulau bebas cukai itu yang berpotensi menjadi destinasi pelancongan menarik di rantau ini.

-- BERNAMA

ZI AKD